

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB TULIS

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH
[PUTATAN]**

SOALAN : Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan :-

- (a) bagaimanakah tahap hubungan Malaysia dengan negara China pasca tragedi MH370; dan
- (b) berapakah jumlah pampasan atau wang ehsan yang telah dibayar kepada pewaris mangsa MH370 tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tragedi MH370 ini adalah, dengan izin *unprecedented* dalam sejarah industri penerbangan dunia.

2. Dalam hal ini, ingin memaklumkan negara China merupakan antara negara-negara yang telah menghulurkan bantuan dan kerjasama dalam usaha mencari pesawat MH370.

3. Semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China baru-baru ini (27 Mei – 1 Jun 2014). Yang Amat Berhormat telah menyampaikan penghargaan dan rasa terima kasih Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada Presiden dan Perdana Menteri China di atas segala bantuan yang telah dihulurkan di dalam usaha mencari MH370. Kedua-dua negara menekankan bahawa hubungan dua hala tidak akan terjejas disebabkan insiden tersebut sebaliknya hubungan persahabatan akan menjadi lebih kukuh pada masa hadapan.

4. Setakat ini, pihak MAS telah menghubungi kesemua waris/keluarga, dengan izin Next-of-Kin (NOK) penumpang MH370 warganegara Malaysia dan menawarkan bayaran pendahuluan pampasan kepada setiap ahli NOK. Jumlah sebanyak USD50,000.00 telah dibuat kepada waris/keluarga penumpang MH370 setakat ini.

5. Terdapat juga di kalangan waris/keluarga MH370 yang memutuskan untuk melantik firma guaman tempatan dan UK serta Amerika Syarikat untuk mewakili mereka menguruskan segala urusan pampasan dengan MAS. Pihak MAS akan berurusan dengan peguam-peguam yang dilantik berhubung isu bayaran pampasan pendahuluan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.